



NEGERI SABAH

[JPAN: 700/4/1(61)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 13/2015

IMBUHAN TETAP PERUMAHAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk mengemas kini peraturan dan pelaksanaan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri.

LATAR BELAKANG

2. Pemberian ITP kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri adalah merupakan usaha Kerajaan dalam membantu meringankan kos sara hidup penjawat awam. Pada masa ini, pelaksanaan pemberian ITP kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri adalah mengikut ketetapan yang diperuntukkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 3/1992, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 7/2002, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 10/2004 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1/2008.

3. Kerajaan bersetuju untuk mengemas kini peraturan pelaksanaan pemberian ITP dengan menetapkan kadar ITP terendah pada kadar RM300 sebulan.
4. Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan sejajar dengan Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 8 Tahun 2015.

PELAKSANAAN

Kadar ITP

5. Pemberian ITP kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri adalah seperti jadual-jadual di bawah:

Jadual 1: Kadar ITP bagi Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Awam Negeri

Gred	Kadar Semasa (RM/Sebulan)	Kadar Baharu (RM/Sebulan)
40 dan ke bawah	180	300
41 dan 42	250	300
43 dan 44	400	kekal
45 hingga 50	700	kekal
51 dan 52	700	kekal
53 dan 54	900	kekal

Jadual 2 : Kadar ITP bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam Negeri

Gred	Kadar Semasa (RM/Sebulan)	Kadar Baharu (RM/Sebulan)
JUSA/Khas C	1,300	kekal
JUSA/Khas B	1,600	kekal
JUSA/Khas A	2,000	kekal
Turus III	2,500	Kekal
Turus II	2,500	Kekal
Turus I	2,500	Kekal

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 November 2015**.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuat kuasa pekeling perkhidmatan ini, maka:

- (i) **perenggan 2.1, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 3/1992** adalah **dibatalkan**;
- (ii) **perenggan 3.2, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 7/2002** adalah **dibatalkan**;
- (iii) **Pekeling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 10/2004** adalah **dibatalkan**;
- (iv) **Pekeling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1/2008** adalah **dibatalkan**.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 27 OKTOBER 2015

s.k Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil